

18 OCT 2002

Mahathir-Kelantan

LAWATAN PERDANA MENTERI KE KELANTAN DITUNDA

KOTA BAHARU, 18 Okt (Bernama) -- Lawatan kerja sehari Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Kelantan yang telah dijadualkan pada 29 Okt ditunda berikutan Perdana Menteri akan menghadiri persidangan antarabangsa.

Ketua Penerangan Umno Kelantan, Datuk Ismail Mamat berkata perkara itu telah dimaklumkan oleh Dr Mahathir kepada Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed.

"Perdana Menteri akan memberikan satu tarikh baru bagi lawatan itu," katanya ketika dihubungi hari ini.

Ismail berkata pada lawatan kerja itu Perdana Menteri dijadual meninjau terminal baru Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra yang dibuka bulan lepas termasuk melawat Markas Tentera Briged Kelapan, kedua-duanya di Pangkalan Chepa, dekat sini serta menghadiri majlis pemimpin bersama rakyat di Jeli.

Perdana Menteri juga dijadualkan merasmikan jambatan baru Semerak di Pasir Puteh dan menghadiri jamuan makan malam di sini sebelum pulang ke Kuala Lumpur.

Sementara itu Ketua Bahagian Umno Pasir Puteh, Kamaruddin Mohd Nor berkata pihaknya berhasrat untuk membina tugu peringatan konkrit yang mencatatkan fakta pembinaan jambatan itu serta nama Dr Mahathir yang bertanggungjawab memastikan pembinaan jambatan itu dan merasmikannya.

"Jambatan ini amat bermakna kepada penduduk Semerak dan Perdana Menteri," katanya ketika ditemui selepas menubuhkan jawatankuasa Peti Undi Sungai Kelong di Pasir Puteh.

Kamarudin berkata jambatan merentangi Sungai Semerak sepanjang 240 meter berharga RM10 juta itu adalah hadiah dan lambang yang menunjukkan Barisan Nasional berpegang kepada janji selepas memenangi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Semerak pada tahun 1997.

Pada pilihan raya umum 1999 kawasan itu dimenangi oleh PAS.

-- BERNAMA

WM RAR NMO